

Headline	<b>Bawa tin aluminium terpakai dapat setin minuman percuma</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>05. Jun 2009</b>	Page No	<b>V9</b>
Media Title	<b>Harian Metro</b>	Article Size	<b>241 cm2</b>
Section	<b>Variasi</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>289315</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>1981000</b>	AdValue	<b>5183.93</b>



## Bawa tin aluminium terpakai dapat setin minuman percuma

**P**ERMANIS Sdn Bhd melancarkan kempen kitar semula dengan menghadiahkan 20,000 tin aluminium terpakai kepada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) sempena Hari Alam Sekitar Sedunia yang disambut pada 5 Jun setiap tahun di seluruh dunia.

Frim pula mengadakan sambutan hari berkenaan pada Ahad, 7 Jun ini di Kepong. Orang ramai boleh menyertai kempen terbabit

dengan membawa tin aluminium terpakai mereka ke tapak kitar semula pada hari itu untuk mendapatkan setin minuman Revive Isotonik 325 milliliter secara percuma.

Revive Isotonik, dengan perisa istimewa campuran limau gedang dan oren, dirumus khas dengan vitamin B serta elektrolit untuk memberi cecair dan penghidratan sesuai untuk aktiviti luar di Frim.

Minuman percuma itu diberikan kepada 200 peserta

pertama dalam kempen kitar semula terbabit.

Pengurus Pemasaran Permanis Sdn Bhd, Hemalatha Ragavan, berharap inisiatif itu akan menggalakkan orang ramai untuk memupuk budaya mengurangkan penggunaan, mengguna semula dan mengitar semula sambil menikmati minuman berkenaan.

Untuk maklumat lanjut mengenai kempen Frim Hari Alam Sekitar Sedunia, sila layari [www.frim.gov.my](http://www.frim.gov.my).



**BUDAYA KITAR SEMULA...**Hemalatha (kanan) bersama Ketua Pengurusan Korporat Frim, Norhayati Nordin, pada majlis penyerahan minuman baru-baru ini.